

Proton e.MAS 7 PHEV Membuktikan Kecekapan Hibrid Luar Biasa dengan Jarak Perjalanan Lebih 1,100 km di Seluruh Malaysia

Pandu Uji sebenar dari Pulau Pinang ke Johor hingga ke Shah Alam, Proton e.MAS 7 PHEV melengkapkan perjalanan dengan satu cas bateri dan satu isian petrol, mencatatkan penggunaan bahan api 3.7L/100 km yang membuktikan kecekapan hibridnya

Subang Jaya, 30 Januari 2026 - Proton New Energy Technology Sdn Bhd (PRO-NET), anak syarikat milik penuh pengeluar kereta nasional PROTON, telah berjaya membuktikan keupayaan pemanduan dunia sebenar Proton e.MAS 7 PHEV dengan mencatatkan jarak keseluruhan 1,104.5 kilometer hanya dengan satu cas penuh bateri dan satu tangki penuh bahan api, sambil mengekalkan baki jarak pemanduan sejauh 189 kilometer. Perjalanan ini turut menyerlahkan kecekapan penggunaan bahan api yang mengagumkan iaitu hanya 3.7L/100 km, sekali gus menegaskan kelebihan praktikal sistem hibrid plug-in untuk kegunaan harian rakyat Malaysia.

Pencapaian ini dipamerkan menerusi perjalanan jarak jauh dari Pulau Pinang ke Johor sejauh 723 kilometer, diikuti dengan perjalanan pulang ke PROTON Center of Excellence sejauh 381.5 kilometer. Pemanduan dunia sebenar ini memberikan rakyat Malaysia gambaran terhadap prestasi baharu Proton e.MAS 7 PHEV melangkaui ujian kejuruteraan. Perjalanan ini juga mempamerkan keunggulan sistem hibrid *plug-in* generasi baharu yang menggabungkan pemanduan elektrik sebagai keutamaan dengan sokongan enjin canggih, sekali gus menawarkan kecekapan yang tinggi, prestasi lancar dan keyakinan perjalanan jarak jauh.

Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET, Zhang Qiang berkata, "Proton e.MAS 7 PHEV diperkenalkan untuk membawa teknologi canggih lebih dekat dengan rakyat Malaysia. Ia direka sebagai kereta mampu milik yang memenuhi keperluan harian, sama ada di bandar atau untuk perjalanan jauh di lebuhraya. Pencapaian ini membuktikan bahawa pengguna tidak lagi perlu risau dari segi kecekapan atau jarak pemanduan untuk menikmati teknologi tenaga baharu ini. Kami yakin Proton e.MAS 7 PHEV akan memikat hati rakyat Malaysia yang menghargai gabungan inovasi dan praktikaliti."

Keseluruhan perjalanan melebihi 1,100 kilometer ini turut disiarkan secara langsung selama 25 jam menerusi saluran media sosial rasmi Proton e.MAS, dengan penyertaan wakil dari PRO-NET, sekali gus memberikan penonton pengalaman secara langsung melihat keupayaan PHEV ini dalam pemanduan sebenar.

Sistem Hibrid Canggih dan Prestasi Pemanduan Sebenar

Proton e.MAS 7 PHEV serba baharu dilengkapi dengan Teknologi Hibrid EM-i PROTON, yang dibangunkan untuk memberikan kecekapan tinggi dan prestasi lancar dalam keadaan pemanduan sebenar di Malaysia. Dibina di atas platform GMA, sistem ini menggabungkan enjin khas hibrid, Transmisi Hibrid 11-dalam-1 (DHT) dan bateri Lithium Iron Phosphate (LFP) ke dalam satu rangkaian kuasa elektrik yang direka untuk perjalanan harian di bandar, percutian hujung minggu dan perjalanan jarak jauh.

Transmisi Hibrid 11-dalam-1 berfungsi sebagai unit pemanduan utama, secara automatik mengawal penghantaran kuasa ke roda tanpa pertukaran gear konvensional. Dipadankan dengan enjin khas hibrid kitaran Atkinson, sistem ini mengutamakan pemanduan elektrik sepenuhnya, memberikan kelancaran sistem EV sambil mengekalkan penggunaan bahan api yang rendah. Dengan kecekapan terma setinggi 46.5%, enjin dapat menukar lebih banyak bahan api menjadi tenaga, menjadikan pemanduan lebih senyap dan efisien.

Teknologi Hibrid EM-i mengutamakan pemanduan elektrik, membolehkan 80% pemanduan Proton e.MAS 7 PHEV dijana daripada sistem EV. Enjin petrol pula akan masuk secara automatik apabila memerlukan kuasa tambahan atau lebih kecekapan. Pemandu boleh memilih daripada tiga mod pemanduan: *Pure* untuk

pemanduan bandar sepenuhnya elektrik, *Hybrid* untuk mengimbangi penggunaan tenaga secara pintar mengikut keadaan, dan *Power* untuk prestasi lebih responsif bila perlu, menjamin pengalaman memandu yang lancar, yakin dan cekap di semua jenis jalan di Malaysia.

Sebagai SUV segmen C dwi-kuasa, Proton e.MAS 7 PHEV menawarkan penggunaan bahan api dan kos penyelenggaraan yang sangat efisien. Dikuasakan oleh Teknologi Hibrid EM-i, ia mencatat penggunaan bahan api hanya 4.3L/100 km, setanding dengan kereta segmen A. Dengan enjin bertindak terutamanya sebagai sistem sokongan, teknologi hibrid ini membolehkan jadual penyelenggaraan lebih panjang iaitu sekali setahun atau setiap 15,000 km, lebih lama berbanding kenderaan enjin petrol biasa. Ini juga menjadikan kos penyelenggaraan keseluruhan lebih rendah berbanding kereta petrol konvensional.

Tempah Sekarang dan Nikmati Keistimewaan Eksklusif kepada Pemilik Awal

Tempahan untuk Proton e.MAS 7 PHEV kini dibuka. Pelanggan boleh mendaftar minat melalui laman web rasmi Proton e.MAS atau membuat tempahan terus di semua bilik pameran Proton e.MAS yang sah di seluruh negara.

Untuk membuat tempahan, hanya perlu membayar yuran tempahan RM99* dan nikmati keistimewaan pemilik awal eksklusif, termasuk:

- Diskaun RM500 ke atas yuran tempahan**

* *Tertakluk kepada terma dan syarat*

** *Tawaran ini sah untuk 5,000 pelanggan pertama yang berjaya mendaftar Proton e.MAS 7 PHEV.*

Layari laman web Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial), dan Instagram (@protonemasofficial) untuk maklumat lanjut mengenai Proton e.MAS 7 PHEV.

#ProtonEV #PROTONeMAS5#OwnYourSpace #FreedomThatElectrifies #eMAS5FirstAffordableEV
#PROTONeMAS7PHEV #DualPoweredEV #OpenYourWorld

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik dan tenaga baharu nasional pertama di Malaysia, sub-jenama PROTON yang diedarkan oleh PRO-NET. Sebagai peneraju dalam pengembangan EV dan pembangunan ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk memacu transformasi ke arah pengangkutan lestari dengan inovasi dan kecemerlangan yang berterusan. Rangkaian bilik pameran yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang lengkap, serta ekosistem yang menyeluruh memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selari dengan syarikat induk PROTON, adalah untuk MENGINSPIRASI HUBUNGAN dengan sentiasa menyampaikan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan standard antarabangsa. Proton e.MAS telah diperkenalkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng
Manager, PR & Communications
Telephone: +6012-818 7597
Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah
Senior Executive, Public Relations
Telephone: +6017-232 6225
Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran
H/Advisors Klareco
Telephone: +6014 345 2006
Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global